



# The Observer

02.02.2024

## ❖ **Memupuk Minda Pelaburan yang Betul: Mengemudi Pasaran Saham dengan Bijaksana**

Kunci kepada pelaburan yang berjaya dalam pasaran kewangan yang sentiasa berubah-ubah ialah memupuk pemikiran pelaburan yang betul. Turun naik pasaran, sentimen, lambakan maklumat, spekulasi dan ketidaktentuan menjadikan pelaburan suatu aktiviti yang rumit dan mencabar. Walau bagaimanapun, dengan memupuk pemikiran pelaburan yang betul, pelabur dapat mengharungi turun naik pasaran dengan lebih baik, seterusnya mencapai matlamat kewangan jangka panjang.

### **1. Memahami risiko dan ganjaran**

Melabur bukanlah satu perjudian, sebaliknya ia proses membuat keputusan yang rasional. Pelabur perlu memahami keseimbangan antara risiko dan ganjaran bagi mewujudkan pemikiran pelaburan yang betul. Pelaburan melibatkan hubungan yang rapat antara risiko dan pulangan. Aset yang menjana pulangan tinggi biasanya datang bersama-sama risiko yang tinggi. Oleh itu, pelabur yang mengejar pulangan perlu mengurus risiko secara berhemat. Mengetahui toleransi risiko seseorang dan memilih portfolio saham yang sesuai berdasarkan matlamat kewangan individu dan jangka masa adalah penting untuk membuat keputusan yang rasional.

### **2. Bersabarlah**

Turun naik pasaran dalam jangka pendek tidak dapat dielakkan; kita mungkin memperoleh keuntungan atau kerugian. Bagaimanapun, pasaran sering menunjukkan trend pertumbuhan yang stabil dalam jangka panjang. Pelabur seharusnya memberikan tumpuan kepada pulangan jangka panjang dan mengelak daripada dipengaruhi oleh turun naik berjangka pendek. Kekal bertenang dan tidak bertindak secara melulu (iaitu, jualan panik atau belian panik) disebabkan perubahan pasaran yang berlaku seketika. Oleh itu, pelabur dapat menambah pemahaman tentang potensi pasaran dalam jangka panjang, sekaligus mencapai pulangan pelaburan yang lebih kukuh.

### **3. Pembelajaran secara berterusan**

Pasaran kewangan sentiasa berkembang dengan teknologi, alat pelaburan serta strategi baharu dan baru muncul. Pelabur perlu mengikuti perkembangan pasaran, terus belajar dan mengemas kini pengetahuan pelaburan mereka. Pemahaman yang mantap tentang subjek perniagaan dan ekonomi seperti keadaan ekonomi, prestasi syarikat dan peristiwa global membolehkan pelabur membuat keputusan yang lebih bermaklumat. Selain itu, pemahaman tentang

dinamik penawaran dan permintaan serta kesan dasar kerajaan dapat membantu pelabur menganalisis prospek sesuatu industri dengan lebih baik.

Proses mencari “permata tersembunyi” selalunya memerlukan usaha sendiri untuk membuat analisis secara komprehensif. Kita perlu membuat penyelidikan sendiri apabila membuat keputusan pelaburan dan tidak bergantung kepada khabar angin semata-mata.

#### 4. Pengurusan Emosi

Benjamin Graham pernah berkata, “Masalah utama sang pelabur, malah musuhnya yang paling teruk, mungkin dirinya sendiri.” Beliau menekankan salah satu cabaran terbesar yang dihadapi pelabur ialah emosi, tingkah laku dan bias psikologi mereka sendiri apabila membuat keputusan pelaburan.

Emosi yang turun naik tidak dapat dielakkan sepanjang proses pelaburan namun cara pelabur bertindak balas terhadapnya akan menentukan kejayaan mereka. Perasaan tamak dan takut adalah perkara biasa dan pelabur perlu belajar mengawal emosi ini bagi mengelakkan membuat keputusan impulsif dalam keadaan pasaran yang melampau. Sebagai contoh, Ketakutan Terlepas (*Fear of Missing Out, FOMO*) biasanya dikaitkan dengan kebimbangan pelabur mungkin terlepas potensi keuntungan atau peluang pelaburan yang lumayan.

Tindakan membangunkan pelan pelaburan yang jelas, berdisiplin dan tidak mudah dipengaruhi oleh emosi jangka pendek dapat membantu mengekalkan fikiran yang tenang serta lebih bersedia menghadapi pasang surut pasaran.

Pemikiran pelaburan yang betul adalah penting untuk kejayaan pelabur dalam pasaran kewangan yang tidak menentu dan penuh risiko. Pelabur boleh menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran dengan lebih baik dan mencapai matlamat kewangan mereka melalui pembuatan keputusan yang rasional, menunggu dengan sabar, pembelajaran secara berterusan dan mengurus emosi. Ingatlah, pelaburan ibarat maraton dan bukan larian pecut. Hanya dengan mengekalkan pemikiran yang betul seseorang boleh pergi lebih jauh dalam perjalanan pelaburan mereka.

**Lam Jun Ket**  
**Pengurus, Pemantauan Korporat**

---

#### Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 5 hingga 9 Februari 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
05.02.24 (Isnin) 11.00 pagi	Crescendo Corporation Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk anak syarikat milik sepenuhnya Panoramic Industrial Development Sdn

		<p>Bhd untuk melupuskan dua keping tanah kosong di Johor, yang berkeluasan 2.3 juta kaki persegi, dengan harga RM315.17 juta.</p> <p>Syarikat memperuntukkan RM111.8 juta atau 40.2% daripada hasil tunai bersih yang berjumlah RM278.27 juta sebagai modal kerja.</p>
06.02.24 (Selasa) 10.30 pagi	APB Resources Berhad (EGM)	<p>APB mencadangkan untuk mengambil alih 70 juta saham dalam Globetronics Technology Berhad (kepentingan kira-kira 10.41%) dengan balasan tunai berjumlah RM140.00 juta ("Cadangan Pengambilalihan").</p> <p>Kumpulan Globetronics terlibat dalam pembuatan, pemasangan, pengujian dan jualan pelbagai komponen elektronik/ semikonduktor.</p> <p>APB yakin pelaburannya dalam saham Globetronics akan memberikan pendapatan dividen yang stabil kepada APB pada masa hadapan.</p> <p>Bersempena dengan Cadangan Pengambilalihan, APB akan mempelbagaikan aktiviti perniagaannya untuk memasukkan pelaburan dalam pembuatan dan pengedaran semikonduktor serta perniagaan komponen semikonduktor.</p>
06.02.24 (Selasa) 11.00 pagi	AHB Holdings Berhad (EGM)	<p>AHB mencadangkan terbitan bonus waran berdasarkan satu waran bagi setiap dua saham biasa dalam AHB yang sedia ada.</p> <p>Terbitan bonus dijangka selesai pada suku pertama 2024.</p>
07.02.24 (Rabu) 10.00 pagi	Puncak Niaga Holdings Berhad (EGM)	<p>Kumpulan berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk melupuskan tiga bidang tanah di Ijok, yang pada masa ini kebanyakannya ditanam dengan pokok kelapa sawit, dengan harga RM306.07 juta.</p> <p>Bayaran penyelesaian hendaklah dibuat secara ansuran dalam tempoh 53 bulan. Daripada hasil berjumlah RM306.07 juta itu, RM190 juta akan digunakan untuk membayar balik</p>

		pinjaman bank dan RM83.11 juta akan digunakan sebagai modal kerja umum bagi membiayai kos manfaat pekerja dan pentadbiran am.
08.02.24 (Khamis) 10.00 pagi	Techna-X Berhad (EGM)	<p>Syarikat mencadangkan empat resolusi berikut untuk diluluskan oleh para pemegang saham dalam EGM yang akan datang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan Pengurangan Modal</li> <li>- Cadangan Penyelesaian Hutang</li> <li>- Cadangan Penyatuan Saham</li> <li>- Cadangan Terbitan Hak bersama Waran</li> </ul>

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
Crescendo Corporation Berhad (EGM)	<p>Syarikat telah memperuntukkan RM111.8 juta atau 40.2% daripada hasil tunai bersih yang berjumlah RM278.27 juta untuk modal kerja. (Halaman 8, Pekeliling)</p> <p>RM111.8 juta yang diperuntukkan sebagai modal kerja nampaknya satu jumlah yang besar kerana Kumpulan mempunyai wang tunai dan baki bank sebanyak RM48.3 juta berdasarkan keputusan suku tahunan terkini Kumpulan pada 31 Oktober 2023.</p> <p>Kumpulan mempunyai wang tunai dan baki bank yang mencukupi untuk keperluan modal kerjanya dan Lembaga Pengarah perlu mempertimbangkan untuk membayar dividen khas sebagai ganjaran kepada pemegang saham.</p>
APB Resources Berhad (EGM)	<p>1. "APB telah memperoleh pembiayaan sehingga RM95.00 juta daripada sebuah institusi kewangan untuk membiayai sebahagian daripada Cadangan Pengambilalihan. Oleh itu, Pertimbangan Pembelian akan dibiayai menerusi gabungan RM95.00 juta daripada pinjaman bank dan baki RM45.00 juta daripada dana yang dijana secara dalaman." (Halaman 8, Pekeliling)</p> <p>a) Berapakah tempoh pinjaman bank yang berjumlah RM95.00 juta itu?</p> <p>b) Berapakah ansuran bulanan untuk pinjaman bank yang diperoleh?</p> <p>c) Berdasarkan penyata kewangan disatukan Kumpulan APB terkini yang diaudit untuk 30 September 2022, tunai dan baki bank, deposit serta dana jangka pendek berjumlah RM80.36 juta. Bagaimanapun, cadangan pemerolehan hartanah berjumlah RM38.00 juta seperti yang diumumkan pada 11 Oktober 2023 juga akan dibiayai melalui dana yang dijana secara dalaman. Bersama-sama Cadangan Pengambilalihan itu,</p>

	<p>Kumpulan APB memerlukan sejumlah RM83.00 juta dana yang dijana secara dalaman.</p> <p>Bagaimanakah cadangan pengambilalihan hartanah dan Cadangan Pengambilalihan menggunakan dana yang dijana secara dalaman menjejaskan keupayaan Kumpulan untuk memenuhi obligasi kewangannya?</p> <p>2. Melihat jumlah pelaburan yang besar, bagaimanakah Cadangan Pengambilalihan dan cadangan pemerolehan hartanah itu sejajar dengan strategi jangka panjang Kumpulan?</p>
Puncak Niaga Holdings Berhad (EGM)	<p>Kumpulan tidak membuka tender untuk pelupusan Tanah kerana tiada kepastian harga tawaran akan menghampiri atau melebihi nilai pasaran berdasarkan tawaran yang diterima sebelum ini. Lagipun, Kumpulan akan menanggung kos tambahan untuk melaksanakan tender terbuka. (Halaman 11, Pekeliling bertarikh 22 Januari 2024)</p> <p>a) Apakah tawaran paling tinggi yang diterima oleh Kumpulan sebelum ini?</p> <p>b) Berapakah anggaran kos untuk melaksanakan tender terbuka?</p>

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
 Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
 Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
 Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
 Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
 Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))  
 Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))  
 Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([yan.laikuan@mswg.org.my](mailto:yan.laikuan@mswg.org.my))  
 Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([lam.junket@mswg.org.my](mailto:lam.junket@mswg.org.my))

#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*